

**DAP Cuba Kelirukan Rakyat Mengenai Hukum Hudud - MCA  
Bernama  
25 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- DAP masih cuba mengelirukan orang ramai mengenai hukum Hudud meskipun PAS menyatakan secara jelas parti itu akan melaksanakannya jika mereka berkuasa, kata Bendahari Agung MCA Datuk Seri Tan Chai Ho.

Menurut Tan, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng tidak menyatakan dengan jelas sama ada menyokong atau menentang Enakmen Hudud PAS itu.

"Guan Eng sering takut mengenai topik Hudud PAS dan cuba mengelak daripadanya. Malah, beliau sebenarnya yang memberi laluan kepada PAS dengan membantu mereka berkempen," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, Khamis.

Tan berkata manifesto pakatan pembangkang tidak menyebut mengenai Hudud PAS atau Buku Jingga dan manifesto pilihan raya 2008, "tetapi anda boleh lihat PAS menguatkuasakan polisi Islam mereka di Kedah dan Kelantan," katanya.

"Ini amat tidak bertanggungjawab, jadi banyak mana kita boleh mempercayai manifesto pakatan pembangkang itu," katanya.

Tan berkata DAP hanya menipu diri sendiri dan secara perlahan-lahan cuba mempengaruhi orang ramai untuk menerima Hudud di Malaysia.

"Dasar Hudud akan memberi kesan kepada orang bukan Islam dan PAS akan cuba untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan mereka melaksanakan dasar menindas ke dalam semua aspek kehidupan seharian kita.

"Ia jelas bahawa PAS adalah kuasa sebenar dalam Pakatan Pembangkang dan tidak memperdulikan apa yang difikirkan DAP kerana sejak dari awal, mereka menegaskan dalam semua rangkaian media utama bahawa mereka tidak pernah berputus asa untuk melaksanakan impian mereka iaitu melaksanakan Enakmen Hudud PAS," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=945225>